



## PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 1/2020

### PENUTUPAN SELURUH PREMIS KAMPUS PAGOH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 1/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan yang telah dibuat mengenai **Penutupan Seluruh Premis Kampus Pagoh, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.**

#### 2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 dan menjaga keselamatan staf dan pelajar, pihak UTHM akan menjalankan proses dekontaminasi melibatkan keseluruhan premis di Kampus Pagoh bermula 16 Mac 2020 sehingga selesai.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, seluruh Kampus UTHM Cawangan Pagoh akan ditutup bermula **16 Mac 2020 sehingga 19 Mac 2020** bagi memberi ruang kepada proses dekontaminasi ini untuk dijalankan secara menyeluruh dengan baik.
- 2.3 Penutupan kampus ini akan melibatkan keseluruhan staf akademik dan bukan akademik, **KECUALI staf Pusat Kesihatan Universiti, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, Bahagian Keselamatan dan Kolej Kediaman.** Proses kuarantin dan saringan akan terus berjalan mengikut tatacara sedia ada dan penempatan mereka yang terlibat akan dikekalkan sehingga sebarang keputusan hasil daripada proses saringan diperolehi.
- 2.4 Semua staf akademik dan pentadbiran adalah dibenarkan untuk bekerja dari rumah dan staf tidak perlu merekodkan kehadiran keluar masuk di kampus. Rekod kehadiran bagi kesemua staf yang terlibat akan dikemaskini secara automatik oleh Pejabat Pendaftar.

### 3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,

**YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY**

Menjalankan Tugas Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
16 Mac 2020